

# Program bantu ibu lima anak atur strategi pemasaran

Oleh ATIIYAH MOHD SAID  
atiyyahm@sph.com.sg

SEMASA mula-mula berniaga dari rumah, Cik Radiah Salleh tidak tahu bagaimana meletakkan harga bagi kuih-muih yang dijual. Beliau hanya mengikut nasihat kawan.

Namun selepas beliau mengikuti Program Perniagaan Mikro kelolaan Angkatan Karyawan Islam (AMP) selama enam bulan pada tahun lalu, beliau mendapati harga yang diletaknya lebih rendah daripada yang sepatutnya.

Kini setelah mempelajari kaedah menentukan harga, peniaga berusia 47 tahun itu mendapati hasil penjualan kuih-muih beliau meningkat seganda.

Secara purata, ibu lima anak itu meraih pendapatan purata \$500 hingga \$600 sebulan dan boleh menikmati sehingga \$1,000 pada musim perayaan.

Semasa dihubungi, Cik Radiah yang berkelulusan peringkat 'O' berkata beliau mula berniaga dari rumah pada 2009 untuk membantu suaminya yang merupakan pencari nafkah tunggal dalam keluarganya, di samping menjaga anak-anak yang bersekolah.

"Apabila saya pertama kali hendak menjual kuih, saya tidak pasti cara menentukan harga jadi ikutkan sahaja apa yang kawan saranan.

"Tetapi selepas program ini, baru saya sedar bahawa harga itu tidak setimpal dengan modal serta usaha yang diluahkan. Oleh sebab itulah pada mulanya, saya rasa macam tidak berbaloi apabila berniaga," ujar beliau.

Kata beliau, menerusi program itu beliau menimba banyak pengetahuan tentang cara membuat kos perbelanjaan.

"Kalau dulu saya main belanja sahaja untuk barang-barang kuih tanpa mengira atau menyimpan rekod modal, kini saya lebih bijak membuat anggaran untuk modal saya.

"Ini saya sedar sangat penting kerana dari situ, kita boleh menetapkan harga yang lebih tepat serta lebih berbaloi. Alhamdulillah, kini penjualan yang diraih meningkat seganda," kata beliau.

Di samping itu, Cik Radiah mendapati dirinya lebih berke-



**TINGKATKAN ILMU:** Kalau dulu tidak tahu membuat anggaran perbelanjaan modal, kini Cik Radiah lebih bijak dalam perkiraan perniagaannya dan lebih yakin memasarkan produknya, hasil daripada program Perniagaan Mikro AMP. – Foto TUKIMAN WARJI

yakinan memperkenalkan produknya kepada orang lain.

Sebelum ini beliau agak malu memperkenalkan kuih-muihnya lantas tidak begitu sungguh-sungguh mengembangkan jaringan pelanggannya.

"Program ini mengajar saya strategi pemasaran yang saya amalkan sekarang.

"Contohnya, memberikan bakal pelanggan merasa contoh kuih dan ia membuktikan berkesan menarik pelanggan," ujar beliau.

Tahun lalu, Cik Radiah yang dipadankan dengan seorang konsultan dari Pusat Pembangunan Usahawan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura atau EDC@SMCCI di bawah program itu, turut mengambil langkah berani membuka gerai di sebuah pameran Expo tahun lalu.

"Memang keberatan pada mulanya tetapi konsultan menggalakkan saya mengambil risiko jika ingin berkembang.

"Saya tidak menyesal kerana ia memberikan saya pendedahan dan banyak pelanggan susulan," kata Cik Radiah.

## Pendaftaran sertai program AMP dibuka

PENDAFTARAN bagi Program Perniagaan Mikro yang dikelola oleh Angkatan Karyawan Islam (AMP) kini dibuka kepada mereka yang ingin mempelajari dan meningkatkan kemahiran untuk berniaga.

Program tersebut yang disasarkan kepada golongan bergaji rendah akan dibuka untuk pendaftaran sehingga 22 Februari.

Menurut kenyataan AMP, para peserta boleh memilih menjalani latihan dalam bidang makanan, kecantikan dan kesejahteraan, menjahit, perkahwinan dan aksesori serta mesti memiliki kemahiran asas dalam bidang-bidang yang dipilih.

Antara kriteria program tersebut ialah peserta harus merupakan rakyat Singapura atau penduduk tetap berusia 21 tahun hingga 55 tahun.

Mereka juga harus memiliki pendapatan gabungan keluarga tidak melebihi \$3,500 atau pendapatan setiap kapita yang tidak melebihi \$500.

Seperti beberapa tahun lalu, tahun ini AMP akan meneruskan kerjasama dengan Pusat Pembangunan Usahawan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura atau EDC@SMCCI.

"Ini merupakan tahun keempat yang para peserta akan meraih manfaat daripada kerjasma ini.

"Para peserta akan dapat memanfaatkan khidmat nasihat perniagaan EDC yang luas seperti penilaian kemahiran perniagaan dalam bidang proses perniagaan dan teknologi maklumat bagi fasa-fasa yang berbeza dalam program tersebut," ujar kenyataan itu.

Program itu diperkenalkan pada 2005 bagi menolong para individu daripada keluarga berpendapatan rendah memupuk semangat keusahawanan dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran IT, perniagaan dan perdagangan bagi membolehkan mereka meneroka perniagaan secara kecilan bagi menambah pendapatan keluarga.

Mereka yang berminat boleh mendaftar di pejabat AMP di Pasir Ris atau Jurong Point. Borang permohonan boleh didapati di laman web AMP.

Bayaran penyertaan sebanyak \$200 akan dikenakan tetapi akan dipulangkan kepada mereka yang tidak terpilih.

Butiran lanjut boleh didapati dengan menghubungi Cik Mariam Mustaffa di talian 6416-1426 atau e-mel mariam@amp.org.sg.